

21/01/2002

Permohonan lima parti sertai BN dibincang Rabu ini

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) Rabu ini akan membincangkan permohonan lima parti politik termasuk Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai gabungan itu.

Empat parti lain ialah Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma), Berjasa dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata beliau akan membentangkan permohonan semua parti terbabit pada mesyuarat itu nanti dan ia sudah dimasukkan dalam agenda untuk perbincangan.

"Terpulang kepada semua pemimpin 13 parti komponen sama ada menolak atau menerima permohonan itu," katanya kepada Berita Harian.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada 25 Julai 2000 pernah membincangkan permohonan IPF, Kimma, Berjasa dan PPM tetapi terpaksa menangguhkan keputusan untuk menerimanya kerana tidak mendapat persetujuan sebulat suara daripada semua parti komponen ketika itu.

PBS pula hanya mengemukakan permohonan untuk kembali menyertai BN pada 15 November lalu selepas mendapat mandat daripada ahlinya, disusuli Majlis Tertinggi (MT) parti itu untuk berbuat demikian.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN Rabu ini iaitu yang pertama bagi tahun ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamed berkata, BN masih mengamalkan konsep permuafakatan dalam mempertimbangkan permohonan mana-mana parti dan dengan itu mesti mendapat persetujuan sebulat suara daripada semua 13 parti komponen.

Mengenai kemungkinan ada parti komponen BN tertentu membantah kemasukan semula PBS ke dalam BN kerana parti itu pernah menikam gabungan terbabit beberapa hari menjelang pilihan raya umum 1990, beliau berkata: "Saya tidak nampak, lagi pun mesyuarat MT Umno (7 Disember lalu) sudah setuju untuk menyokong... yang lain nampak tak ada halangan," katanya.

Bagaimanapun katanya, wakil PBS tidak akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Rabu ini kerana parti itu belum lagi menjadi anggota BN.

Sebelum ini, ada laporan menyebut kemungkinan wakil PBS dijemput sama sebagai pemerhati bagi memberi jaminan parti itu tidak lagi menikam BN dari belakang pada masa depan sebagai syarat penerimaannya.

Mohamed berkata, beliau tidak tahu sama ada pemimpin BN akan mengenakan syarat tertentu sebelum meluluskan permohonan PBS "tetapi PBS sendiri kata permohonannya itu adalah tanpa syarat."

Katanya, apa yang diharapkan ialah supaya permohonan semua lima parti komponen terbabit dapat diselesaikan sekali gus.

Selain itu katanya, mesyuarat juga akan membincangkan isu semasa termasuk keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan.

(END)